

KEBUDAYAAN ISLAM

TIGA MASALAH TENTANG KEBUDAYAAN ISLAM

Isi syarahan saudara ‘Abdullāh Basmeh di Radio Malaya Singapura pada 19 Jun yang lalu dalam halaman “Kebudayaan Melayu”.

Dalam masa yang akhir-akhir ini, soal kebudayaan Islam dan sejarah perkembangannya mulai diperkatakan oleh penyarah-penyarah kita di radio dengan rancaknya. Ini, sangat mengembirakan dan membesarkan hati, malahan menjadi alamat bahawa orang-orang Islam, terutama kaum terpelajarnya – baik yang berpelakaran Barat atau Timur – telah bertambah rajin menyelidik akan pusaka asli yang semakin lama telah dibiarkan terpendam.

Tetapi sayang! Siaran-siaran yang bertujuan baik dari penyarah-penyarah kita itu terdapat di dalamnya beberapa perkara yang mengelirukan dan menjadi suatu jenayah kepada sejarah jika tidak dibetulkan.

Seorang penyarah, secara tidak langsung telah merendahkan usaha dan sumbangan penyiar-penyiar Islam ke Alam Melayu, dengan mengatakan bahawa mereka hanya telah “memberikan kuah sahaja bukan isi Islam” dan itulah sebabnya orang-orang kita sekarang telah menjadi mundur.

Sebenarnya tafsiran tuan itu tidak betul dan menyalahi apa yang telah berlaku, bahkan menyalahi apa yang telah tersurat dengan indahnya di dalam lipatan sejarah.

Islam yang telah dikembangkan oleh penyiar-penyiar Islam yang sayugia dipuji itu, telah menimbulkan kemajuan yang amat besar dalam kebangkitan bangsa Melayu dan seluruh penduduk Alam Melayu dalam zaman yang keemasan dahulu.

Islam yang telah disiarkan oleh penyiar-penyiar Islam, itulah yang telah menimbulkan kerajaan Islam Melaka yang menjadi kuntum kebesaran bangsa Melayu; itulah yang telah menimbulkan kerajaan Samudera-Pasai yang masyhur; itulah yang telah menimbulkan kerajaan Aceh yang gagah perkasa; dan itulah yang telah menimbulkan berpuluh-puluh kerajaan Islam dan beratus-ratus pahlawan Islam di seluruh Kepulauan Melayu.

Islam yang telah disiarkan oleh penyiar-penyiar Islam yang berjasa itu, itulah yang telah mengembangkan ajaran tauhid dan menumbangkan pohon syirk (syirik) yang telah tegak berkurun-kurun lamanya. Penyembahan berhala, penyembahan dewa-dewa dan roh semangat jin iblis, khurafat-khurafat dan takhyul-takhyul Hindu Buddha, habis disapunya, meskipun pada setengah-setengahnya tidak dapat dihapuskan dan dicabut akar umbinya.

Islam yang telah disiarkan oleh penyiar-penyiar Islam, itulah yang telah mengajar: bahawa manusia itu mempunyai hak dan kewajipan. Mempunyai kehormatan dan kedudukan yang mulia, bukan untuk dihina dan disifatkan sebagai debu telapak raja atau hamba abdi kaum bangsawan.

Isi rukun Islam yang lima, dan teras rukun iman yang enam, itulah yang telah ditanam di benua Melayu dalam zaman penyiaran Islam dahulu. Kalau tidak, masakan dapat

mencapai kemajuan yang keemasan seperti yang disebutkan tadi.

Pernah juga saya mendengar, kononnya, sebab Islam deras merebak di alam Melayu ialah kerana falsafah tasawwuf Parsi telah termasuk dalam ajaran Islam, sedang tasawwuf yang demikian bentuknya telah masuk ke India dan dari India pula telah dibawa oleh penziar-penziar Islam ke alam Melayu. Jelasnya, Islam yang telah dibawa masuk ke alam Melayu telah bercampur dengan falsafah India – Parsi maka itulah sebabnya lekas kembang diterima oleh penduduk alam Melayu yang sedia beragama Hindu, kerana Islam yang telah dibawa itu hanya nama sahaja yang berlainan, sedang isinya satu. Maksudnya: namanya sahaja Islam tetapi isinya ialah falsafah India dan Parsi.

Tafsiran ini sesungguhnya menyalahi kenyataan dan bertentang dengan sejarah perkembangan Islam.

Pertama – sebagaimana yang masyhur diketahui, kebanyakan penziar-penziar Islam terdiri daripada saudagar India, Arab dan Parsi, yang bercogan: Sambil berniaga, sambil berkhidmat menyiarkan Islam. Sebenarnya ahli tasawwuf tidak sanggup menyeberang lautan, bahkan mereka tidak gemar mencampurkan diri dalam masyarakat ramai. Mereka biasanya memencilkan diri kerana mereka telah membuang dunia dan memandang dunia ini bangkai dan syurga bagi orang-orang kafir.

Kedua – fahaman membuang dunia yang berasal dari falsafah India – Parsi dan telah menyelit dalam ilmu tasawwuf Islam itu, sebenarnya tidak dinafikan telah hidup dalam masyarakat Islam di alam Melayu, tetapi orang-orang yang menyiarkan fahaman yang membunuh hemah dan semangat itu telah diburu oleh orang-orang Islam, malahan setengahnya telah dibunuh. Contohnya banyak didapati di dalam sejarah Islam. Dalam sejarah Aceh misalnya, ada didapati bahawa sultan Aceh dengan nasihat

Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī ulama Islam yang terkenal telah memburu dan menjatuhkan hukuman bunuh atas dua ulama Aceh yang menganjurkan ilmu tasawwuf yang bercampur dengan iktikad yang salah.

Ini, menunjukkan bahawa Islam yang bercampur dengan tasawwuf yang telah rosak dengan falsafah India – Parsi itu, tetap dipandang salah semenjak zaman dahulu lagi, meskipun banyak juga orang-orang yang telah tersemu kerananya.

Sebenarnya maju mundurnya umat Islam adalah bergantung kepada fi'il perangai dan tingkah lakunya. Umat-umat yang telah terjerumus dan jatuh ke bawah ialah disebabkan perbuatan mereka sendiri, disebabkan oleh kejahilan dan juga disebabkan oleh bentuk pemerintahan yang zalim, yang menindas rakyat jelata, sehingga tidak boleh rakyat bercucuk tanam, tidak boleh rakyat berharta benda, bahkan tidak boleh rakyat beristeri cantik.

Kezaliman yang membunuh semangat rakyat, sudah barang tentu membawa keruntuhan, meskipun pada mulanya dengan pimpinan Islam dan ajarannya yang menghidupkan semangat itu, umat-umat tadi telah meningkat maju sehingga menjadi: pemerintahannya luas dan negerinya makmur dan kaya raya.

Ada lagi satu masalah yang saya rasa wajib diberi penjelasan kerana sangat mengelirukan sejarah.

Pernah saya mendengar beberapa pensyarah di radio, dengan cara tidak langsung telah menafikan sama sekali usaha penziar-penziar Islam di Alam Melayu yang datang dari Tanah Arab. Pensyarah-pensyarah kita tadi menegaskan bahawa: hanya orang “Gujerat” yang datang dari India sahaja yang telah berjasa menyiarkan Islam ke alam Melayu.

Tertarik saya hendak menjelaskan perkara ini ialah kerana nampaknya fahaman yang tersebut sedang dikemukakan dengan bersungguh-sungguh oleh suatu kumpulan yang terpelajar dan menjadi tumpuan ramai.

Sebelum saya membongkar kitab-kitab tawarikh, sukalah saya memetik di sini keterangan Tuan HAMKA – yang kebetulan

pada masa ini sedang menjadi tetamu agung orang-orang kita di Tanah Melayu dalam satu karangannya, yang disiarkan oleh majalah “Hikmah” Jakarta, Tuan HAMKA berkata:

“Kita bersyukur kepada Tuhan, kerana agama Islam telah masuk ke Indonesia ini. Dari gelap gelita jahiliyah kita telah masuk ke dalam gelanggang Islam, dan pelopor pembawa Islam ke mari ialah orang Arab. Baik keturunan Arab yang telah melalui darah Parsi dan India, atau pun orang Islam yang langsung datang dari Tanah Arab sendiri.”

Lebih lanjut Tuan HAMKA berkata lagi: “Berpuluh bahkan beratus tahun lamanya, nikmat keislaman yang dianugerahkan Tuhan dengan kedatangan orang dari Tanah Arab atau India itu, tetaplah menjadi ingatan yang mulia dalam hati kaum Muslimin Indonesia.”*

Demikian kata Tuan “HAMKA” pujangga Indonesia yang terkenal.

Dengar pula apa kata “Tun Sri Lanang” pujangga Melayu dalam kitab “Sejarahnya” yang menjadi mustika persuratan Melayu. Tun Sri Lanang menerangkan bahawa penyiari-penyiar Islam yang mengislamkan penduduk Samudera-Pasai, termasuk beberapa daerah Aceh ialah nakhoda Shaykh Isma‘il yang datang dari Tanah Arab, iaitu dihantar oleh Raja Mekah. Dalam pelayarannya, kapal nakhoda Shaykh Ismā‘il telah singgah di sebuah negeri, “Mu‘tabar” namanya, Sultan Muḥammad nama rajanya, berasal dari cucu Sayyidina Abū Bakr al-Ṣiddīq.

Sultan Muḥammad – kata Tun Sri Lanang lagi – telah turun dari takhta kerajaannya lalu merajakan anakandanya. Sultan Muhammad yang telah turun dari takhta kerajaan telah menamakan dirinya “Faḳīr Muḥammad” kerana hendak berkhidmat menyiarkan Islam ke negeri-negeri yang di bawah angin bersama-sama dengan nakhoda Shaykh Isma‘il. Mereka telah berjaya mengislamkan

(*) “Hikmah” 23 April 1955



Tuan HAMKA bersama-sama dengan al-Hāj Ahmad Isma‘il (Dato’ Lela Negara) pengarang dan tuan punya mendiang majalah “Al-Hikmah” Kelantan. Gambar diambil di Padang Kapal Terbang Pengkalan Cempa Kota Bharu ketika Tuan HAMKA berlepas ke Pulau Pinang.

Samudera-Pasai dan beberapa daerah di Aceh, dan raja Samudra yang telah Islam itu, merekalah yang menamakannya Sultan al-Malik al-Ṣaliḥ.

Riwayat Tun Sri Lanang ini dengan tegas menerangkan bahawa yang mengislamkan Samudera-Pasai dan beberapa daerah di Aceh ialah orang-orang Arab. Di antaranya ada yang datang

langsung dari Tanah Arab dan yang lainnya ialah keturunan

Arab dari India.

Penyiar Islam yang mula-mula mengislamkan raja dan rakyat Melayu Melaka ialah orang Arab menurut penjelasan Tun Sri Lanang. Tun Sri Lanang mengatakan penyiar Islam itu bernama Sayyid ‘Abdul Azīz, bergelar “Makhdum” dan kedatangannya dengan Kapal dari Tanah Arab iaitu dari bandar Jeddah.

Dalam zaman kebesaran Melaka dahulu, bandarnya kedatangan penuh sesak dengan dagang santri yang datang dari negeri-negeri atas angin seperti Arab, India dan Parsi, selain daripada orang-orang Cina, Jawa serta lain-lain penduduk Kepulauan Melayu. Melaka yang demikian besar dan makmur, orang-orang Arab telah menamakannya “Mulāqāh” ertinya: “pusat perhimpunan dagang-dagang santri”. Sedang orang Melayu sendiri menamakannya “Melaka” yang diambil dari nama pokok Melaka.

Sebenarnya orang Arab telah mengenal Kepulauan Melayu jauh lebih lama sebelum terbit agama Islam. Dalam bukunya “Lintasan Sejarah Dunia”, Pandit Nehru telah menerangkan soal ini dengan jelas. Menurut Tuan Nehru ketika menceritakan keruntuhan kerajaan Buddha Srivijaya dihentak oleh tentera kerajaan Hindu dari Jawa Timur, katanya:

“Patut diingat juga bahawa orang-orang Arab pun telah lama ada kumpulannya atau koloninya pada merata-rata pulau alam Melayu sebelum zahir agama Islam, kerana mereka itu pun ahli-ahli perniagaan yang masyhur dan barang di mana ada perniagaan adalah orang-orang Arab itu datang ke situ”. *

Penjelasan yang serupa ini juga telah ditulis oleh Tuan ‘Umar Amīn Ḥussīn guru di Universiti Jakarta ketika menerangkan bila zamannya kedatangan orang Arab ke Alam Melayu, katanya:

(*) Petikan A. Muḥammad Yūsuf Bin Aḥmad yang disiarkannya dalam akhbar “Majlis” keluaran 18 March 1955.

“Melihat kepada pelbagai keterangan di atas, maka kelihatan

Kepada kita bahawa orang Arab telah sampai ke Indonesia lebih dahulu daripada lahir agama Islam di negeri Arab sendiri dalam tahun 621 Masihi (permulaan tahun hijrah).

“Pengarang kitab Arab yang termasyhur dengan nama “al-Sanad bād al-Baḥrī” ternyata dalam pelbagai perjalanannya telah sampai ke Indonesia. Ia telah sampai ke Selathath, Ceila dan Riyahi. . .”

Kata Tuan ‘Umar lagi: “Tempat ini (yakni Riyahi) mungkin “Riau” sekarang ini. Dalam zaman Khalifah ‘Uthmān, di negeri-negeri Melayu orang sudah menggunakan tulisan Arab untuk menuliskan bahasa Melayu”.

Dalam bahagian lain, Tuan ‘Umar Amīn Ḥussīn berkata ketika memperikan sejarah Majapahit:

“Kerajaan Majapahit pada hakikatnya adalah didirikan oleh saudagar-saudagar Arab yang berniaga di Indonesia. Oleh kerana itu matawang Arab lebih rasmi kedudukannya dalam kerajaan Majapahit dari wang Majapahit sendiri. bahkan ada ahli yang mengatakan tidak ada matawang Majapahit sendiri.

“Keterangan-keterangan tentang ini diakui oleh Tuan Donald Maclaine Campbell dalam bukunya: “Java, Past and Present. (Majalah “Hikmah Jakarta” keluaran ‘Aidilfitri 1374)

Dengan huraian ini jelaslah bahawa orang-orang Arab telah mengambil bahagian besar dalam banyak lapangan di alam Melayu: dalam penyiaran Islam, dalam siyasah dan dalam perniagaan, bahkan sebahagian besar dari antara mereka telah meleburkan diri dalam masyarakat Melayu dan Indonesia.

Demikianlah pertalian orang-orang Arab dalam sejarah Tanah Melayu dan Indonesia.